

TEKS UCAPAN
DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA SESI "TOWN HALL" DIALOG BAJET MPSP 2017
PADA 26 MAC 2016 (SABTU)
DI HOTEL IXORA, BANDAR PERAI JAYA

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO)
Merangkap Penggerusi Jawatankuasa
Kerajaan Tempatan, Pengurusan
Lalu Lintas dan Tebatan Banjir

Yang Dihormati YB Ahli Parlimen, YB ADUN dan Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Wakil-wakil Agensi Kerajaan dan Swasta, NGO, PWDC, JKKK, KRT, Bridged Wanita

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul di dalam Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MPSP 2017. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa untuk hadir ke Sesi "Town Hall" Dialog Bajet MPSP 2017 pada pagi ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Tahun ini adalah tahun kelima MPSP mengadakan Dialog Bajet bersama komuniti. Bajet ini adalah bertujuan untuk melibatkan wakil komuniti serta penduduk Seberang Perai dalam merangka bajet 2017 dengan memberi input, pandangan dan cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan MPSP. Untuk program pada pagi ini, MPSP telah menjemput Ahli Parlimen, YB Adun wakil-wakil daripada JKKK, Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk, Dewan-Dewan Perniagaan, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan, Briged-Briged Wanita dan Agensi-Agenzi Kerajaan Lain.

Objektif Dialog Bajet 2017 juga adalah bagi menggalakkan penyertaan orang ramai dan komuniti dalam merangka bajet MPSP, mendapatkan input, pandangan dan cadangan komuniti dalam merangka Bajet MPSP 2017.

Dialog Bajet 2017 merupakan platform untuk berinteraksi secara langsung dengan komuniti Seberang Perai. Menerusi program ini, MPSP akan mendapat pandangan sekaligus dapat menjalin kerjasama dengan komuniti Seberang Perai dalam menangani isu-isu perbandaran seperti kebersihan, perumahan,

pencemaran alam sekitar, keselamatan dan lalulintas, penguatkuasaan, isu-isu banjir dan lain-lain isu perbandaran dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

1. Soal Selidik Bajet 2017

Pada 1 Januari hingga 29 Februari 2016 yang lalu, MPSP telah menjalankan Soal Selidik Bajet Tahun 2017 yang berlandaskan *Gender Responsive Participatory Budgeting (GRPB)*. Soal selidik bajet ini bertujuan untuk mendapatkan input dan pandangan daripada masyarakat terhadap perkhidmatan MPSP. Soal selidik ini juga menyentuh berkenaan aspek gender iaitu keperluan yang berbeza dari kumpulan yang berbeza (*different people, different needs*). MPSP telah mengarusuperdakkan isu gender dalam pentadbiran, perancangan serta pembangunan di Seberang Perai. Ini bagi memastikan keperluan golongan-golongan tertentu mengikut jantina, peringkat usia, orang kurang upaya serta wanita mengandung diberikan penekanan dan keutamaan.

Soal Selidik Bajet 2017 telah disediakan dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris supaya komuniti pelbagai bangsa boleh memahami soal selidik tersebut dan turut mengambil bahagian. Soal selidik kali ini telah dijalankan di beberapa kawasan di seluruh Seberang Perai seperti di pasaraya-pasaraya besar, pasar-pasar, kompleks penjaja serta program-program anjuran MPSP. Selain itu, soal selidik ini disediakan secara online bagi memudahkan warga Seberang Perai memberikan pandangan. Soal selidik ini juga telah diedarkan kepada semua Ahli Majlis MPSP di kawasan masing-masing bagi membolehkan masyarakat setempat turut serta dalam soal selidik kali ini. Maklumat dan hasil daripada soal selidik yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

TEKS UCAPAN

- i. Bilangan responden adalah seramai 4,278 orang berbanding dengan tahun 2016 iaitu seramai 3,312 orang dengan peningkatan seramai 966 orang atau 29%.
- ii. Soal selidik yang diterima secara *online* adalah seramai 201 dan 4,077 orang melalui borang.
- iii. Peratusan responden lelaki adalah 48% berbanding dengan tahun 2016 iaitu 50% dan peratusan responden perempuan adalah 52% berbanding dengan tahun 2016 iaitu 50%. Ini menunjukkan peningkatan jumlah responden perempuan seramai 571 orang.
- iv. Majoriti responden adalah dalam lingkungan umur 21 hingga 39 tahun iaitu 49%.
- v. Responden dari kawasan Seberang Perai Tengah adalah 40%, Seberang Perai Utara 36%, Seberang Perai Selatan 14% dan baki 10% dari luar Seberang Perai
- vi. Pecahan responden mengikut bangsa – Melayu (61%), Cina (27%), India (11%) dan bangsa lain (1%).
- vii. Responden OKU adalah sebanyak 3% (131) dari keseluruhan responden.

Secara keseluruhannya, daripada soal selidik bajet 2015 hingga 2017 yang telah dijalankan, maklumbalas daripada responden ke atas perkhidmatan keseluruhan MPSP menunjukkan **67% tahap kepuasan** pada tahun 2015, **89% tahap kepuasan** pada tahun 2016 dan **88% tahap kepuasan** untuk soal selidik bajet tahun 2017.

Analisa terperinci hasil dari soal selidik akan dibentangkan oleh Tuan Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud, Setiausaha Perbandaran MPSP sebentar nanti.

MPSP juga mengumpul data-data berkaitan peringkat umur responden dan tempat tinggal. Data-data ini perlu dalam membuat perancangan dan mengenalpasti keperluan mengikut peringkat umur serta perkhidmatan akan lebih mudah difokuskan kepada kawasan-kawasan yang tertentu.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

MPSP amat komited dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada warga Seberang Perai. Komuniti Seberang Perai diminta untuk bekerjasama dengan MPSP untuk memainkan peranan melakukan perubahan ke arah persekitaran yang lebih baik, lebih bersih, lebih selamat, lebih sihat dan lebih kondusif. MPSP memperuntukkan bajet setiap tahun bagi melaksanakan dan menangani isu-isu perbandaran seperti kebersihan, keselamatan, pengindahan, banjir dan sebagainya. Kos mengurus Pihak Berkua Tempatan boleh dikurangkan sekiranya mendapat kerjasama yang erat daripada warga Seberang Perai serta kesediaan berganding bahu menyelesaikan masalah setempat.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,**2. Bajet 2016**

Di dalam Bajet 2016, MPSP memberikan penekanan ke atas tujuh (7) fokus perkhidmatan teras seperti berikut :

- a) Kebersihan sebanyak RM99.00 juta (37.3%)
- b) Keselamatan dan Lalulintas sebanyak RM17.54 juta (6.6%)
- c) Infrastruktur dan kemudahan awam sebanyak RM8.95 juta (3.4%)
- d) Kawalan banjir sebanyak RM11.51 juta (4.3%)
- e) Pengindahan dan kehijauan sebanyak RM5.06 juta (1.9%)
- f) Penguatkuasaan Undang-Undang sebanyak RM4.50 juta (1.7%)
- g) Penglibatan komuniti sebanyak RM3.12 juta (1.2%)

Berdasarkan jumlah peruntukan tersebut ianya menunjukkan komitmen MPSP dalam memberikan perkhidmatan yang efektif dan efisien serta kekal relevan bagi memenuhi kehendak *stakeholder*.

3. Dasar Pengasingan Sisa Di Punca

Saya berharap dengan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan dan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca akan dapat mengurangkan perbelanjaan kebersihan. Jikalau perbelanjaan pembersihan dapat dikurangkan sebanyak 50%, maka MPSP akan ada lebihan peruntukan sebanyak RM45 juta untuk dibelanjakan bagi pembangunan, infrastruktur dan kemudahan awam, pengindahan dan kehijauan.

Dengan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, diharap jumlah sisa dapat dikurangkan dengan 50% lagi dari 1,100 tan sehari ke 550 tan sehari. Jumlah bayaran tipping fees untuk satu tan sisa adalah sebanyak RM20.20. Dengan pengurangan 550 tan sehari, Majlis akan dapat menjimatkan bayaran tipping fees sebanyak RM11,110 sehari menjadikan kos penjimatan sebanyak RM333,300 sebulan iaitu hampir mencecah RM4 juta setahun. Kerjasama komuniti amatlah perlu untuk menjayakan dasar ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Walaupun kitar semula MPSP adalah yang tertinggi di Malaysia iaitu 39.11% tapi ianya masih jauh lebih rendah dari Singapura, Yokohama dan Negara-Negara maju yang lain. MPSP amat memerlukan penglibatan aktif stakeholder bagi mencapai matlamat perkhidmatan perbandaran bertaraf antarabangsa.

Pengurusan alam sekitar yang sistematik juga merupakan satu elemen penting dalam kesejahteraan dan keselamatan di kawasan bandar mahupun luar bandar kepada masyarakat suatu kawasan. Tanggungjawab bagi memulihara alam sekitar memerlukan penglibatan dan komitmen semua pihak daripada peringkat

Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan, masyarakat dan juga individu. Ianya mesti dilakukan melalui pembentukan budaya dan penghayatan nilai mesra alam serta mewujudkan keadaan yang saling memerlukan di mana setiap pihak memainkan peranan masing-masing.

4. Program Taman Bersih

Selaras dengan itu, Majlis telah mengambil inisiatif menganjurkan Program Taman Bersih bermula pada tahun 2014. Tujuan program ini dibuat adalah untuk menggalakkan penyertaan masyarakat di dalam aktiviti kebersihan demi untuk kebaikan bersama. Pada tahun 2015, semua taman perumahan di Seberang Perai telah dinilai. Walau bagaimanapun, pada 24 dan 25 November 2015 penilaian akhir telah dibuat terhadap tujuh (7) taman terbaik yang mewakili 7 kawasan parlimen iaitu:-

- a) Taman Penaga Permai
- b) Taman Sri Senangan
- c) Taman Bagan Lalang
- d) Taman Penanti Indah
- e) Taman Bukit
- f) Taman Mutiara Tanjung
- g) Taman Tekukur Indah

Hadiah berupa wang tunai dan sijil penyertaan akan diberikan kepada 3 taman yang terbaik sebentar lagi. Pemenang tempat pertama akan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.00 beserta sijil penyertaan, tempat kedua wang tunai berjumlah RM750.00 beserta sijil penyertaan dan tempat ketiga hadiah wang tunai berjumlah RM500.00 beserta sijil penyertaan. Tahniah diucapkan kepada semua taman yang berjaya dan syabas kepada semua yang mengambil bahagian. Saya berharap 7 taman-taman bersih ini akan terus mengekalkan kebersihan kawasan taman masing-masing walaupun selepas tempoh pertandingan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Sebagai Yang Dipertua MPSP besarlah harapan saya agar penyertaan tuan-tuan dan puan-puan dalam Dialog Bajet 2017 ini dapat bersama-sama dengan MPSP dalam merangka pelan tindakan bagi isu-isu yang disebutkan tadi untuk dimasukkan dalam perancangan Bajet 2017. Saya juga berharap agar peluang ini dimanfaatkan sebaik mungkin dengan memberikan idea-idea dan cadangan-cadangan yang praktikal untuk dilaksanakan supaya Seberang Perai menjadi sebuah kawasan perbandaran yang dinamik, kondusif dan progresif pada masa hadapan. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow yang akan merasmikan program ini dan semua yang sudi hadir pada hari ini.

Dengan itu, saya sudah dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.